

PM: Usaha terbaik dicari kawal masjid disalah guna

UM 13 DEC 1999

Oleh RADZUAN HASSAN

PELABUHAN BARAT 12 Dis. — Kerajaan akan berusaha mencari jalan terbaik bagi mengawal masjid-masjid di negara ini daripada terus disalahgunakan oleh parti pembangkang sebagai medan menyebarkan fitnah dan pembohongan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kawalan itu perlu dilakukan kerana didapati parti pembangkang turut menggunakan masjid untuk menuduh kera-

jaan mempunyai hubungan dengan Israel.

"Masjid adalah tempat kita sembahyang jemaah, tempat rapatkan silaturrahim tapi dia (pembangkang) gunakan untuk melancarkan fitnah dan tuduhan tidak berasas termasuk kononnya kita ada hubungan dengan Israel," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke kapal kontena terbesar di dunia, Clifford Maersk, yang berlabuh di sini petang ini. Turut ha-

dir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Kenyataan Dr. Mahathir itu sebagai mengulas pendedahan seorang timbalan menteri mengenai tindak-tanduk Pas yang terus menjadikan masjid-masjid termasuk masjid yang dibina oleh kerajaan sebagai medan kempen politik mereka.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong semalam, kementerian masih menerima aduan menge-

nai penyalahgunaan masjid, surau dan madrasah walaupun pilihan raya umum sudah selesai.

"Parti pembangkang khususnya Pas telah menggunakan masjid dan surau untuk menyebarkan fitnah dan dakyah demi kepentingan politik parti itu," kata Tan.

Mengenai dakwaan pembangkang kononnya kerajaan mengadakan hubungan dengan Israel, Dr. Mahathir menjelaskan ia merupakan satu pembohongan sama sekali.

■ Lihat muka 4

PM: Usaha terbaik dicari kawal masjid disalahguna

UM 13 DEC 1999

Mengenai pemilihan Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Mahathir yakin beliau dapat menjalankan tugas menangani masalah penyebaran fitnah oleh pembangkang.

"Saya fikir dia (Hamid) boleh jalankan tugasnya. Yang dia kalah (dalam pilihan raya lepas) bukan fasal itu," jelasnya.

Sementara itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghaffar Baba hari ini berharap parti pembangkang khususnya Pas tidak lagi memeralatkan masjid dan institusi agama sebagai medan kempen politik mereka.

Menurutnya, perbuatan seumpama itu sebaiknya dielakkan demi mengelakkan kesucian masjid sebagai institusi perpaduan umat dari tercemar.

"Masjid sebagai tempat untuk kita beribadat, bukannya tempat berkempen politik, lagipun ia boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat di dalam nega-

ra ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah juga menyokong masjid tidak dijadikan tempat menyebarkan fitnah.

"Masjid merupakan tempat umat Islam beribadat, ilmu disampaikan di samping itu juga ia berperanan menyatupadukan umat Islam dan kita sekarang berada dalam bulan Ramadan sepatutnya banyakkkan beribadat," katanya.

Tegas beliau, jika masjid dijadikan tempat untuk menabur fitnah dan dakyah, Islam tidak boleh dijadikan contoh kepada umat lain.

"Jika perkara seperti ini berterusan maka golongan muda terutamanya akan menjauhkan diri dari masjid oleh kerana masjid telah dijadikan tempat untuk menabur fitnah," tegasnya.

Beliau berkata, sempena dengan bulan Ramadan ini, MBM telah mengadakan program 'Rakan Masjid' untuk golongan belia di masjid di seluruh negara.